KEMENTERIAN PENDIDIKAN

# KUPASAN MUTU JAWAPAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)
TAHUN 2021

**BAHASA MELAYU KERTAS 1**
**1103/1**

## 1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

| | | |
|---|---|---|
| Kod Mata Pelajaran | : | 1103/1 |
| Bentuk Ujian | : | Ujian Subjektif |
| Markah Penuh | : | 100 Markah |
| Masa | : | 2 Jam |

### 1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas 1 mengandungi 2 bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

| | | |
|---|---|---|
| **Bahagian A** | : | Mengandungi 1 soalan (30 markah).<br>Soalan wajib dijawab. |
| **Bahagian B** | : | Mengandungi 4 soalan pilihan (70 markah).<br>Calon perlu menjawab 1 soalan sahaja. |

## 2.0 PRESTASI CALON

### 2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A

#### 2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Pada keseluruhannya, calon memahami tugasan soalan dengan tepat dan dapat menghuraikan idea dengan jelas. Bagi calon cemerlang, kematangan dalam menyampaikan idea terserlah dengan huraian yang jelas dan contoh yang sesuai. Calon juga dapat membuktikan kemampuan mereka menguasai hukum tatabahasa bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir calon yang gagal menguasai kemahiran menulis dan tidak dapat menyampaikan idea dengan baik dan berkesan.

### 2.1.2 Prestasi Mengikut Kumpulan Calon

**Kumpulan Prestasi Tinggi**

Karangan calon menepati tema soalan. Idea dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. Bahasa calon pula gramatis daripada aspek kata dan ayat, kosa kata luas serta tepat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Wacananya lengkap dan unsur bahasa yang digunakan bervariasi. Calon turut menggunakan ungkapan menarik.

**Kumpulan Prestasi Sederhana**

Jawapan calon masih menepati tugasan berdasarkan bahan rangsangan yang diberi. Idea calon masih relevan. Huraian idea masih jelas. Calon menggunakan bahasa yang masih gramatis daripada aspek kata dan ayat. Selain itu, penggunaan kosa kata umum dan terhad. Wacananya masih lengkap dan unsur bahasa masih bervariasi.

## 2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

### Soalan Bahagian A

[30 *markah*]

*Soalan ini* **mesti** *dijawab.*

*Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan aktiviti sukan. Berdasarkan maklumat tersebut, tulis sebuah* **rencana** *tentang* **kebaikan-kebaikan bersukan.**

*Panjangnya rencana anda hendaklah* **antara 150 hingga 200 patah perkataan.**







KUALA LUMPUR 2017

ISNIN 21.8 2017

SUKAN SEA KUALA LUMPUR 2017

**KEDUDUKAN PINGAT**

| | EMAS | PERAK | GANGSA | JUMLAH KESELURUHAN |
|---|---|---|---|---|
| MALAYSIA | 20 | 16 | 11 | 47 |
| Singapura | 9 | 10 | 7 | 26 |
| Thailand | 5 | 5 | 6 | 16 |
| Vietnam | 5 | 3 | 5 | 13 |
| Indonesia | 4 | 7 | 12 | 23 |
| Myanmar | 2 | 2 | 1 | 5 |
| Filipina | 1 | 2 | 4 | 7 |
| Laos | 0 | 1 | 1 | 2 |
| Brunei | 0 | 0 | 4 | 4 |
| Kemboja | 0 | 0 | 3 | 3 |
| Timor Leste | 0 | 0 | 0 | 0 |

Calon perlu menulis rencana bagi menghuraikan kebaikan bersukan dengan menggunakan semua bahan yang diberikan. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan seperti di bawah:

- sukan wahana perpaduan kaum
- Ayuh, Kekal Cergas dan Sihat
- kedudukan pingat (mengharumkan nama negara/imej/contoh)

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Oleh: Nur Qistina Zahirah binti Amran

Pada era globalisasi ini sukan merupakan perkara yang tidak asing lagi dalam kehidupan masyarakat sama ada dijadikan sebagai hobi atau kerjaya. Bersukan juga akan ~~meningkatkan~~ melibatkan satu badan untuk bergerak termasuklah minda maka lahirlah kata-kata 'badan cergas minda cerdas' yang selalu diperkenalkan di bangku sekolah lagi. Bersukan juga mempunyai banyak kebaikan yang akan kita peroleh.

Scanned with CamScanner

Antara manfaat yang kita peroleh dalam bersukan wahana perpaduan kaum. Semasa Sukan SEA Kuala Lumpur 2017, kita lihat ramai atlet daripada pelbagai kaum telah mewakili negara kita dan berjaya menaikkan imej negara. Malaysia telah memenangi 20 pingat emas, 16 pingat perak dan 11 pingat gangsa. Hal ini amat membanggakan seluruh rakyat Malaysia. Bersatu sokongan dan doa rakyat tanpa mengira latar belakang inilah membuktikan bahawa sukan mampu menjadi simbol perpaduan rakyat.

Scanned with CamScanner

Seterusnya, bersukan juga tidak asing dengan istilah menjaga kesihatan. Hal ini dikatakan demikian kerana sudah terbukti secara klinikal bahawa bersukan dapat mengurangkan penyakit seperti sakit jantung, darah tinggi dan diabetes. Aktiviti bersukan juga mampu menjadi terapi kendiri untuk kesihatan mental seperti mengurangkan stres dan menikmati keindahan alam. Ibaratnya bersukan dapat menjamin kesihatan mental dan fizikal.

Scanned with CamScanner

Sudah terang lagi bersuluh, bersukan mempunyai banyak kebaikan daripada kepentingan kendiri hinggalah kepentingan bermasyarakat. Oleh itu, semua pihak perlu menitikberatkan aktiviti ini dimasukkan dalam rutin harian bagi menjamin kesejahteraan hidup.

Scanned with CamScanner

Calon menjawab tugasan soalan dengan tepat. Calon dapat menghuraikan kebaikan bersukan berdasarkan maklumat yang diberikan dalam soalan, iaitu sukan sebagai **wahana perpaduan kaum, mengekalkan kesihatan diri** dan **meningkatkan imej negara.**

Pada bahagian **pengenalan,** calon dapat memahami tugasan tentang **kebaikan bersukan.**

Pada bahagian **huraian idea**, ketiga-tiga idea yang dihuraikan oleh calon, iaitu **wahana perpaduan kaum, mengekalkan kesihatan diri dan meningkatkan imej negara** adalah **jelas** serta **matang** disertakan dengan **contoh yang sesuai**.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis. Terdapat penggunaan pelbagai kosa kata dan ungkapan yang **luas** serta **tepat**, contohnya *badan cergas, minda cerdas, medium perpaduan kaum* dan *terapi kendiri.* Selain itu, bahasa yang digunakan oleh calon juga **bervariasi**. Laras yang digunakan sesuai dengan tugasan.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan memberikan cadangan agar aktiviti bersukan dijadikan rutin harian masyarakat bagi menjamin kesejahteraan hidup.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Kebaikan - kebaikan Bersukan

Oleh :

Kadang - kadang, pandemic Covid -19 banyak menjejaskan kehidupan kita. Badan yang sihat dapat mengelakkan kita daripada mendapat positif terhadap Covid - 19. Oleh itu, mempunyai badan yang sihat amat penting dan salah satu kaedah untuk mengamalkan badan yang sihat adalah bersukan.

Bersukan bukan sahaja boleh menyihatkan badan kita, bersukan juga ~~mendatangkan~~ banyak ~~t~~ mendatangkan kebaikan. Tidak dapat dinafikan dengan bersukan, kita dapat mengekalkan cergas dan sihat. Dengan ini, kita dapat menjauhkan diri daripada kebanyakan penyakit ~~sep~~ seperti obesiti dan darah tinggi. Selain itu, kita juga akan betenaga menghadapi cabaran dan kesusahan dalam harian.

Di samping itu, ~~su~~ bersukan juga dapat mengeratkan hubungan sesuatu dengan orang lain. Sesetengah sukan dijalani ~~dalam~~ secara kumpulan, seperti bola keranjang, bola sepak dan sebagainya. Dalam aktiviti tersebut, kita dapat meningkatkan semangat perpaduan ~~bekerjasama~~ dan hubungan kita akan mejadi rapat. Dalam kumpulan, kita ~~juga~~ berpeluang melatih 'leadership skill' semasa sebagai ketua.

Tambahan pula, bersukan dapat mengurangkan stres. Semasa bersukan, badan kita akan berpeluh dan mengeluarkan hormon yang boleh membawa kegembiraan. Oleh itu, kita dapat menghapuskan berasaan yang negetif dan keletihan dalam kehidupan kita.

Kesimpulannya, bersukan amat berfaedah. Bersukan boleh meningkatkan kualiti kehidupan dan keselesaan. Semua rakyat harus digalakkan sering bersukan.

(179 patah perkataan)

Pada bahagian **pengenalan,** calon kumpulan sederhana masih dapat memahami tugasan tentang kebaikan bersukan.

Pada bahagian **huraian idea**, jawapan calon masih menepati tugasan berdasarkan bahan rangsangan. Idea calon masih relevan. Huraian idea masih jelas, contohnya, "*Tambahan pula, bersukan dapat mengurangkan stres. Semasa bersukan, badan kita akan berpeluh dan mengeluarkan hormon yang boleh membawa kegembiraan. Oleh itu, kita dapat menghapuskan 'berasaan' yang 'negetif' dan keletihan dalam kehidupan kita,*"

Calon menggunakan ayat yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. Terdapat kesalahan bahasa yang minimum seperti "*kita dapat mengekalkan cergas dan sihat* (*kita dapat mengekalkan* ***kecergasan*** *dan* ***kesihatan***), *bersukan juga dapat mengeratkan hubungan sesuatu dengan orang lain* (*bersukan juga dapat mengeratkan hubungan* ~~*sesuatu*~~ *dengan orang lain*), dan *sesetengah sukan dijalani secara kumpulan* (*sesetengah aktiviti sukan* ***dijalankan*** *secara* ***berkumpulan***)". Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga umum. Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon membuat penegasan bahawa bersukan boleh meningkatkan kualiti kehidupan dan keselesaan.

## 2.3 CADANGAN / SYOR BAHAGIAN A

### 2.3.1 Calon

a) Semua kemahiran dan tema dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) perlu dikuasai oleh calon. Buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 mestilah menjadi rujukan utama calon.
b) Calon perlu banyak membaca bahan seperti majalah, akhbar, jurnal dan karya sastera seperti novel serta cerpen untuk menambahkan pengetahuan, mematangkan fikiran, mengikuti perkembangan semasa dan memantapkan penguasaan bahasa.
c) Calon hendaklah selalu membuat latihan menulis karangan dalam pelbagai format agar dapat menguasai semua format karangan dan menyampaikan idea dengan bahasa yang lancar, pengolahan yang menarik serta laras bahasa yang betul.
d) Calon perlu menguasai kemahiran menganalisis bahan/tugasan. Calon perlu meneliti dan memahami semua kata tugas sebelum memilih soalan yang hendak dijawab.
e) Calon perlu menyenaraikan isi ringkas atau menyediakan rangka jawapan sebelum menjawab sesuatu soalan. Rangka jawapan dapat membantu calon menepati peruntukan masa.

### 2.3.2 Guru

a) Kemahiran dan tema dalam DSKP perlu dikuasai oleh guru. Buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 mestilah menjadi rujukan utama guru.
b) Guru hendaklah merancang pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi menyelesaikan sukatan mata pelajaran supaya ulang kaji dan latih tubi dapat dilaksanakan dengan berkesan.
c) Guru perlu memantapkan asas penulisan karangan murid pada peringkat menengah rendah agar mereka memahami cara merangka karangan, format menulis karangan dan mengembangkan isi dengan lebih berkesan.
d) Guru perlu membincangkan pelbagai isu semasa dengan murid semasa PdP agar mereka dapat mengemukakan isi-isi yang matang, pemikiran kritis dan idea yang analitik dalam karangan.
e) Aspek koheren dan kohesi dalam isi karangan perlu diberikan penekanan oleh guru dan dibudayakan dalam aktiviti PdP.

## 2.4 PRESTASI CALON BAHAGIAN B

### 2.4.1 Prestasi Keseluruhan

Sebahagian besar calon dapat menjawab tugasan dengan baik. Mereka dapat menyampaikan, menghuraikan dan mengolah idea dengan jelas. Calon juga berjaya membuktikan kemampuan dan kebolehan menghasilkan karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan. Calon juga dapat mengemukakan contoh yang relevan. Hal ini menunjukkan bahawa calon mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan dengan tugasan soalan.

### 2.4.2 Prestasi Mengikut Kumpulan Calon

**Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon berjaya menjawab tugasan mengikut kehendak soalan. Calon mampu menghuraikan idea dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis dan kosa kata yang luas serta tepat. Gaya bahasa yang digunakan juga menarik daripada aspek keindahan bahasa, di samping penggunaan ungkapan yang relevan untuk mengukuhkan huraian idea. Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan tanda baca tepat dan sesuai serta kesalahan bahasa minimum. Pengolahan sangat menarik dan berkesan. Pemerengganan karangan juga sesuai.

**Kumpulan Prestasi Sederhana**

Calon masih menjawab tugasan mengikut kehendak soalan. Calon masih mampu menghuraikan idea dengan jelas disertakan dengan contoh yang masih sesuai. Calon menggunakan ayat yang masih gramatis dan kosa kata umum. Gaya bahasa yang digunakan daripada aspek keindahan bahasa kurang menarik, di samping penggunaan ungkapan kurang berkesan. Laras bahasa yang digunakan masih sesuai dengan kehendak tugasan. Penggunaan tanda baca masih tepat dan sesuai serta kesalahan bahasa minimum. Pengolahan masih menarik sementara pemerengganan masih sesuai.

## 2.5 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

### Soalan Bahagian B

### Soalan 1

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya* **antara 350 hingga 500 patah perkataan.**

1

> Kewujudan media sosial seperti Facebook, Youtube dan Instagram telah mempengaruhi nilai, sikap dan pola tingkah laku masyarakat. Pengaruh positif media sosial juga memudahkan masyarakat saling berinteraksi, memperoleh dan menyampaikan maklumat dengan mudah dan cepat.
>
> Sumber: *Dewan Bahasa*, Bil. 30/2020

Petikan di atas menyatakan bahawa media sosial boleh mempengaruhi kehidupan masyarakat.

Bincangkan.

Calon dikehendaki membincangkan pengaruh media sosial dalam kehidupan masyarakat seperti yang terdapat dalam petikan, iaitu:

- Pengaruh media sosial terhadap nilai, sikap dan pola tingkah laku (positif atau negatif)
- Pengaruh positif :
    - memudahkan masyarakat saling berinteraksi
    - memperoleh dan menyampaikan maklumat dengan mudah serta cepat

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Bahagian B ( soalan 1 )

Pada era globalisasi ini, berlakunya perkembangan yang amat pesat dalam bidang komunikasi dan teknologi maklumat di ~~seanto~~ seantero dunia. Keadaan ini menyebabkan wujudnya syarikat-syarikat besar yang mengeluarkan aplikasi seperti Facebook, Youtube dan Instagram. Kerancakkan penggunaan media sosial [ini] dalam kalangan masyarakat telah memberikan pelbagai implikasi dalam kehidupan ~~masyarakat~~ sesebuah masyarakat itu. Menurut Dewan Bahasa, Bil. 30/2020, kewujudan media sosial telah berjaya mempengaruhi nilai, sikap dan pola lingkah laku masyarakat. Persoalannya, bagaimanakah [pengaruh positif] media sosial ~~mampu mempengaruhi kehi~~ [dapat memberikan kesan dalam] kehidupan sesebuah masyarakat ?

BMIKMJI: 20221004110441

Sebagai maudus yang utama, penggunaan media ~~sos~~ sosial telah memberikan laluan alternatif kepada masyarakat untuk saling berinteraksi meskipun berada pada jarak yang jauh. Keadaan ini telah menyebabkan integrasi antara wilayah serta kaum dapat dipertingkatkan melalui dunia Internet. Sebagai contohnya, kewujudan aplikasi seperti Whatsapp dan Instagram membolehkan seseorang itu untuk mencari kenalan baharu atau berhubung melalui penghantaran mesej dan sebagainya. Perkara ini secara tidak langsung dapat memudahkan kehidupan masyarakat dek kerana mereka tidak lagi perlu untuk menulis surat dan menghantarnya ke pejabat pos. Impaknya, hubungan yang erat antara masyarakat dapat dikekalkan kerana keadaan dan jarak yang jauh antara seseorang individu itu ~~bukan~~ tidak lagi menjadi batu penghalang untuk seseorang itu berhubung. Sudah terang lagi bersuluh bahawa media sosial ini mampu mempengaruhi masyarakat dari aspek yang positif.

Seterusnya, penggunaan media sosial juga dapat membantu masyarakat untuk memperoleh dan menyampaikan maklumat dengan mudah dan pantas. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakkan kawasan di negara kita hari ini rata-ratanya telah mempunyai rangkaian Internet yang cukup baik. Keadaan ini membolehkan seseorang itu untuk berkongsi maklumat dengan lebih mudah kerana segalanya berada di hujung jari. Proses penghantaran kerja melalui aplikasi seperti Telegram dan Google Mail turut menjadi lebih cepat dan efisien. Tamsilannya, masyarakat

dapat ~~mem~~ mengetahui pelbagai info ~~info~~ baharu dengan ~~akses~~ hanya mengakses aplikasi seperti Facebook yang memaparkan artikel-artikel menarik berkaitan isu-isu semasa. ~~Dampaknya~~ Kesannya, masyarakat ~~tidak lagi~~ ~~sebuah masyarakat yang~~ hidup seperti katak di bawah tempurung kerana dapat memperoleh berbagai-bagai perkara baharu. Ringkasnya, penggunaan media sosial ini ~~mampu~~ mampu meningkatkan pengetahuan serta memudahkan kehidupan masyarakat.

~~Akhir~~ Mauduk terakhir bagi topik ~~pengaruh~~ kebaikan media sosial terhadap masyarakat ialah media sosial ~~mampu~~ membantu meningkatkan taraf ekonomi dalam sesebuah masyarakat. Perkara ~~jelas~~ ini dapat dilihat dengan jelas apabila ramai ~~masyarakat~~ individu yang mula berjinak-jinak dalam bidang perniagaan secara atas talian. Sebagai contoh, masyarakat menjadikan aplikasi seperti Tik tok ataupun Instagram sebagai medium untuk mereka ~~mempromo~~ mempromosikan produk mereka. Kaedah ini ~~sememangnya~~ ternyata amat berkesan bagi menarik minat pembeli kerana kebanyakan masyarakat ~~mempunyai~~ mempunyai akaun media sosial mereka sendiri. Sekiranya masyarakat terus tekun dan gigih meneruskan perniagaannya secara atas talian sudah pasti mereka akan beroleh hasil yang berpatutan kerana sehari selembar benang,

lama-lama menjadi kain. Bulan kian terang, bayang kian jelas bahawa media sosial mampu memberikan kebaikan kepada masyarakat dari aspek ekonomi.

Kesimpulannya, berdasarkan kupasan tentang ~~kebaikan~~ kesan pengaruh positif media sosial dalam kalangan masyarakat jelaslah bahawa kemajuan bidang teknologi dan maklumat serta penggunaan media sosial berjaya meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Oleh itu, semua pihak perlulah berganding bahu untuk terus memajukan bidang teknologi maklumat di negara kita kerana hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah. Diharapkan agar masyarakat dapat terus menggunakan media sosial secara berhemah dan tidak menjurus ke arah yang negatif untuk memelihara imej negara. Masyarakat perlulah sentiasa bijak dalam menggunakan media sosial agar tidak terjerumus ke dalam perkara ~~gen~~ negatif media sosial kerana sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada guna.

Pada bahagian **pengenalan**, calon dapat memahami tugasan tentang pengaruh media sosial dalam kehidupan masyarakat.

Pada bahagian **huraian idea**, calon berjaya menjawab tugasan mengikut kehendak soalan, iaitu menjelaskan pengaruh media sosial terhadap nilai, sikap dan pola tingkah laku seperti *memberikan laluan alternatif kepada masyarakat untuk saling berinteraksi meskipun berada pada jarak yang jauh, dapat membantu masyarakat untuk memperoleh dan menyampaikan maklumat dengan mudah dan pantas, dan membantu meningkatkan taraf ekonomi dalam sesebuah masyarakat*.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis *seperti "Keadaan ini telah menyebabkan integrasi antara wilayah serta kaum dapat dipertingkatkan melalui dunia Internet*." Kosa kata yang digunakan juga luas dan tepat. Gaya bahasa yang digunakan menarik daripada aspek keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik yang tepat, contohnya, "*laluan alternatif, integrasi antara wilayah dan batu penghalang*." Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan tanda baca juga tepat.

Pengolahan calon juga sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerengganan yang seimbang dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea dan perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan melahirkan harapan supaya masyarakat bijak menggunakan media sosial.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Bahagian B (soalan 1)

~~Raca e~~

Pada era digital, penggunaan media sosial telah berkembang dengan pesat ~~di~~ ke seluruh dunia. Media sosial merupakan alat yang menjadi penghubung dan ~~menyampaikan~~ penyampai maklumat ~~denga.~~ ~~yang~~ dengan sepantas kilat. Dalam arus pemodenan ini, media sosial menjadi sahabat kepada setiap individu walau apa jua keadaan bagai isi dengan kuku. Tambahan pula, ~~kemunculan~~ kewujudan media sosial seperti Facebook, Youtube dan Instagram telah mempengaruhi nilai, sikap dan pola tingkah laku masyarakat. Oleh itu, terdapat beberapa kebaikan ~~media~~ media sosial yang mempengaruhi kehidupan masyarakat.

Antara ~~kebaikan ke~~ pengaruh ~~p~~ positif media sosial ialah dapat memudahkan masyarakat saling berinteraksi, memperoleh dan menyampaikan maklumat dengan mudah ~~dengan~~ dan cepat. Hal ini demikian kerana, capaian internet yang ~~luas~~ cepat dan stabil telah merancakkan lagi penggunaan media sosial. Antara contoh aplikasi yang hangat dan terkenal ialah seperti Facebook, Youtube, ~~dan~~ Whatapps dan instagram. medium ini menjadi kegemaran semua ahli masyarakat. Sebagai contoh, pengguna boleh menanyakan khabar melalui aplikasi whatapps dan emel. Kesannya, dapat menjimatkan sumber tenaga manusia dan mengurangkan risiko kemalangan kerana hanya berinteraksi secara atas talian. Tegaslah bahawa, media sosial dapat memudahkan masyarakat saling berinteraksi antara satu sama lain.

Selanjutnya, media sosial juga penting kepada para pelajar dan generasi muda. Hal ini dikatakan demikian kerana, media sosial menjadi medium kepada para pelajar untuk mencari informasi serta maklumat yang sukar difahami. Sebagai contoh, semasa pandemik covid-19, semua pelajar terpaksa belajar secara dalam talian iaitu PdPr. Hal ini telah merapatkan lagi hubungan gadget dengan para pelajar. Belajar secara PdPr sememangnya sukar kerana tidak dapat melihat guru yang mengajar secara

bersemuka. Para pelajar hanya melihat guru melalui paparan skrin. Hal ini telah menyukarkan semua pelajar untuk memahami topik yang diajar. Tetapi dengan adanya aplikasi google, pelajar dapat mencari maklumat dan informasi yang susah difahami. Pelajar juga dapat mengulangi topik yang telah diajar melalui aplikasi Youtube. Walaupun sukar untuk belajar PdPr, tetapi demi i meraih kejayaan, kita terpaksa menghadapinya. Pepatah ada mengatakan, usaha tangga kejayaan. Tegaslah bahawa, melalui media sosial, kita dapat mencari maklumat dan informasi dengan lebih dalam.

Seterusnya, kebaikan-kebaikan media sosial ialah kita dapat membuat pembelian secara dalam talian. Hal ini demikian kerana, terdapat pelbagai aplikasi beli belah dalam media sosial. Sebagai contoh, aplikasi Shoppe, lazada dan Amazon. Para pengguna media sosial juga dapat membuat platform tersendiri untuk menjual barangan. Sepertikata lagi, pembelian secara dalam talian dapat memudahkan para pembeli untuk membuat pilihan yang tepat dan mudah. Kesannya, membeli-belah secara dalam talian dapat mengurangkan kos pengangkutan seperti minyak petrol, kerana tidak perlu bergerak ke pusat membeli belah. Hal ini sekali gus dapat mengurangkan risiko kemalangan jalan raya akibat kesesakan lalu lintas. Jelaslah bahawa penggunaan media sosial dapat membantu setiap individu untuk membeli barang dengan mudah dan selamat.

~~AT~~ Kesimpulannya, setiap ahli dalam kalangan masyarakat haruslah menggunakan media sosial dengan bijak agar tidak menghabiskan masa dengan perkara yang membuang masa. Penggunaan teknologi ini dapat melahirkan individu yang berkemahiran dan berpengetahuan.

360 patah perkataan

Pada bahagian **pengenalan**, calon kumpulan sederhana masih dapat membincangkan pengaruh media sosial dalam kehidupan masyarakat.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih menjawab tugasan mengikut kehendak soalan, iaitu membincangkan pengaruh media sosial dalam kehidupan masyarakat. Idea yang dikemukakan masih relevan, huraian juga masih jelas dan contoh yang diberikan masih sesuai. Contohnya, "*Sebagai contoh, pengguna boleh menanyakan khabar melalui aplikasi whatsapps dan emel. Kesannya, dapat menjimatkan sumber tenaga manusia dan mengurangkan risiko kemalangan kerana hanya berinteraksi secara atas talian*."

Calon menggunakan pelbagai ayat yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga umum. Terdapat kesalahan bahasa yang minimum seperti "*telah merapakkan lagi hubungan gadjet dengan para pelajar* (*telah* ***merapatkan*** *hubungan* ***peranti*** *dengan pelajar*), *pusat membeli belah* (*pusat* beli-belah) *dan atas talian* (***dalam*** *talian*)*."* Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan menyatakan bahawa setiap ahli dalam kalangan masyarakat haruslah menggunakan media sosial dengan bijak agar tidak menghabiskan masa dengan perkara yang membuang masa.

**Soalan 2**

2

Kerja sambilan merujuk kerja yang dilakukan secara sementara oleh mana-mana individu termasuk pelajar bagi tujuan menambahkan pendapatan atau membantu meringankan beban kehidupan keluarga. Namun begitu, dalam keghairahan pelajar bekerja secara sambilan, mereka perlu sentiasa berwaspada dengan aspek negatif. Ada segelintir pelajar yang terlalu sibuk mementingkan wang, tanpa disedari mereka semakin melupakan tugas utama mereka iaitu belajar.

Sumber: *Dewan Siswa*, Bil. 6/2020

Berdasarkan petikan di atas, terdapat pelbagai implikasi bekerja secara sambilan dalam kalangan pelajar.

Beri komen anda.

Calon dikehendaki **menghuraikan implikasi positif dan negatif bekerja sambilan dalam kalangan pelajar seperti yang terdapat dalam petikan**, iaitu:

- menambahkan pendapatan / membantu meringankan beban kewangan keluarga
- melupakan tugas utama, iaitu belajar / terlalu mementingkan kewangan

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Dalam meniti arus kemodenan yang serba canggih dan mudah ini, kita sering disogokkan tentang isu pelajar bekerja secara sambilan. Perkara ini amatlah bagus supaya mereka dapat menimba pengalaman dalam alam pekerjaan. Sebagai contoh, bekerja secara sambilan pada hujung minggu. Persoalan yang ingin ditimbulkan di sini adalah ~~bagaimana~~ apakah implikasi bekerja secara sambilan dalam kalangan pelajar. Mari kita kaji bersama.

Lontaran idea pertama, pelajar bekerja secara sambilan kerana mereka ingin menambah pendapatan agar kuasa beli mereka juga dapat meningkat. Pelajar zaman sekarang mempunyai budaya yang suka mengikut trend terkini. Dengan adanya pendapatan sampingan hasil bekerja secara sambilan ini, mereka dapat memenuhi kemahuan mereka semata-mata untuk mengikuti trend terkini. Mereka kebiasaannya bekerja di supermarket, kedai runcit, restoran, dan banyak lagi sama ada sebagai juruwang ataupun pelayan restoran. Sebagai contoh, pelajar selalunya bekerja di 7eleven, KFC, McDonald, dan sebagainya. Oleh itu, implikasi pertama apabila pelajar bekerja secara sambilan ialah mereka dapat meningkatkan kuasa beli mereka sendiri. ~~Bak~~ Di samping ~~itu~~ belajar, mereka juga dapat menimba pengalaman bekerja bak kata pepatah, mendayung sambil menyapan.

Lontaran idea kedua, implikasinya termasuklah mereka dapat meringan beban keluarga mereka dengan bekerja secara sambilan. Seperti yang kita tahu, tidak semua pelajar datang daripada keluarga yang berada. Ada segelintir pelajar yang kurang berkemampuan untuk menampung kos pembelajaran yang tinggi. Oleh sebab itulah pelajar bekerja secara sambilan. Dengan adanya hasil pendapatan yang datang daripada titik peluh pelajar itu sendiri, mereka dapat sedikit sebanyak meringankan beban keluarga mereka. Mereka dapat menanggung kos pembelajaran mereka sendiri tanpa membebankan orang tua untuk menanggung keseluruhan kos pembelajaran mereka. Sebagai tamsil, pelajar boleh bekerja pada setiap hujung minggu di mana-mana kedai ataupun restoran bagi menambah pendapatan mereka. Izharnya, implikasi bekerja secara sambilan adalah dapat meringankan sedikit sebanyak beban keluarga mereka.

Lontaran idea ketiga, ~~implikasinya juga~~ di samping implikasi positif, terdapat juga implikasi yang negatif iaitu pelajar sibuk atau lebih mementingkan wang tanpa mereka sedari bahawa tugas utama mereka adalah belajar. Hal ini berlaku kerana mereka taksub dengan pendapatan yang mereka peroleh hasil daripada pekerjaan sambilan mereka. Mereka mengabaikan pelajaran mereka tanpa memikirkan masa depan mereka iaitu lulus dan cemerlang dalam pelajaran atau bidang mereka. Sebagai contoh, mereka bekerja sehingga lewat malam yang akan menyebakan mereka penat lalu tidak menyertai kelas pada keesokan

harinya. Hal ini akan menyebabkan mereka ketinggalan ~~dan~~ dalam pembelajaran mereka dan akhirnya gagal dalam peperiksaan. Oleh yang demikian, pelajar bekerja secara sambilan bukan sahaja memberi impak atau implikasi yang positif. Akan tetapi ianya juga dapat mendatangkan implikasi negatif.

Sebagai menggulung semua perkataan di atas, Jelaslah bahawa pelajar bekerja secara sambilan mendatangkan pelbagai implikasi positif mahupun negatif. Oleh itu, semua pihak haruslah memainkan peranan untuk mengatasi implikasi negatif ini sebagaimana kata pepatah, bukit sama didaki lurah sama dituruni. Sebelum nasi menjadi bubur, sebelum visi dan misi menjadi kabur, marilah kita bersama berganding bahu mengatasi perkara ini.

(458 patah perkataan)

Pada bahagian **pengenalan**, calon dapat memahami tugasan tentang implikasi positif dan negatif bekerja sambilan dalam kalangan pelajar.

Pada bahagian **huraian idea**, calon berjaya menjawab tugasan mengikut kehendak soalan, iaitu implikasi positif dan negatif bekerja sambilan dalam kalangan pelajar seperti **"***mereka dapat meningkatkan kuasa beli, meringankan beban keluarga dan mengabaikan pelajaran tanpa memikirkan masa depan*."

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis seperti *"Oleh itu, implikasi pertama apabila pelajar bekerja secara sambilan ialah mereka dapat meningkatkan kuasa beli mereka sendiri*." Kosa kata yang digunakan juga luas dan tepat. Gaya bahasa yang digunakan menarik daripada aspek keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik yang tepat, contohnya, "*titik peluh, menimba pengalaman dan mengikuti trend".* Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan tanda baca juga tepat.

Pengolahan calon juga sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerengganan yang seimbang dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea dan perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan menasihatkan murid yang bekerja sambilan supaya tidak mengabaikan pelajaran.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Kerja sambilan merupakan kerja yang dilakukan hanya untuk sementara waktu sama ada secara dalam talian atau urusan berjual beli. Kebelakangan ini, jumlah pekerja sambilan semakin meningkat terutama sekali dalam kalangan pelajar. Perkara ini menimbulkan rasa bimbang ~~ket~~ terhadap pelbagai pihak terutama sekali pihak sekolah. Oleh itu, ibu bapa ~~haruslah~~ haruslah memainkan peranan yang penting bagi memastikan anak-anak mereka terjaga. Persoalannya, apakah implikasi bekerja ~~sambil~~ secara sambilan ini terhadap masyarakat lebih-lebih ~~lag~~ lagi terhadap para pelajar pada zaman pandemik
5 Covid-19 ini?

Implikasi ~~positif~~ bekerja ~~samb.~~ secara sambilan dalam kalangan pelajar ialah pekerjaan sambilan ini mampu menambahkan pendapatan individu. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap pekerjaan ~~individu-individu ini~~ ~~bekerj~~ yang dilakukan pada zaman yang moden ini pasti akan membuahkan hasil. Sebagai contoh, pekerja-pekerja bekerja keras demi mendapatkan gaji untuk menyara hidup masing-masing kerana kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Duit gaji yang diperoleh para pelajar boleh digunakan untuk dijadikan wang saku untuk dibawa ke sekolah atau disimpan di dalam tabung untuk kegunaan semasa kecemasan bak kata pepatah sediakan payung sebelum hujan. Kesannya, pelajar dapat hidup dengan senang tanpa perlu memikirkan hal wang di sekolah. Jelaslah bahawa kerja sambilan

ini ~~ma~~ mampu memberikan kesan yang positif kepada para pelajar.

Selain itu, terdapat juga pelajar yang melibatkan diri dalam kerja sambilan semata-mata untuk membantu dalam meringankan ~~mengankan~~ beban kehidupan keluarga. Hal ini dikatakan demikian kerana bukan semua pelajar di ~~mal~~ Malaysia ini merupakan orang yang senang dan ~~dan~~ berduit. Oleh itu, golongan pelajar ini mengambil inisiatif sendiri untuk mencari duit untuk membantu keluarga. ~~Sebag~~ Sebagai contoh, wang yang dikumpul setiap bulan boleh digunakan untuk membayar ~~bul~~ bil air dan elektrik bulanan atau menanggung yuran persekolahan. Perkara ini ~~dapat~~ sememangnya ~~sememangnya~~ dapat meringankan beban keluarga sekali gus mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara satu sama lain. Sudah terang lagi bersuluh dengan ~~melibat~~ bekerja secara sambilan, pelajar dapat
4 meringankan lagi beban kewangan keluarga.

Akhir sekali, ~~berkerja~~ bekerja secora sambilan juga mompu membenkan ~~impak~~ implikasi yong negarif iaitu pelajaran ^para^ pelajar akan terabai. Hal ini dikatakan demikian kerona pelajar ~~terlalu~~ lebih mementingkan wong berbanding pelajaran mereka. Perkara ini sememangnya tidak bagus kerona sebagai seorang pelajar, ~~tujuan~~ matlamat utama ~~kita~~ kita adalah untuk menimba ilmu. Sebagai contoh, pelajar ~~terla~~ terlalu fokus mengejar wong dunia sedangkan ilmu pengetahuan mompu menjamin kehidupan kita di dunia dan di akhirat. Kesannya, mereka akan ketinggalan dalam pelajaran dan akan menghadapi cabaran yang besar dalam peperiksaan - peperiksaan ^yang^ penting ~~seperti~~ seperti Sijil Pelajaran Malaysia. Jelaslah bahawa kerja sambilan juga mompu membenkan impak kepada

4 pelajaran pelajar.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai implikasi bekerja secara dalam talian ^dalam kalangan pelajar.^ Oleh itu, para pelajar haruslah ~~p~~ bijak mengatur masa dan ~~p~~ ~~be~~ berpada-pada dalam melakukan pekerjaan agar ~~dia~~ tidak ~~dimak~~ memudaratkan ~~diri~~ diri sendiri. ~~Se~~ ~~Sekiranya~~ Kerja sambilan ini diharapkan dapat ~~mem~~ menambahkan ^lagi^ pendapatan serta kemahiran para pelajar untuk digunakan pada masa akan datang. Sekiranya, ^para^ pelajar memandang enteng akan impak bekerja secara sambilan, mereka akan menghadapi masalah yang besar pada masa akan datang bak kata pepatah siapa makan cili, dia

5 rasa p edas

Pada bahagian **pengenalan**, calon kumpulan sederhana masih dapat membincangkan implikasi positif dan negatif bekerja sambilan dalam kalangan murid.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih menjawab tugasan mengikut kehendak soalan, iaitu implikasi positif dan negatif bekerja sambilan dalam kalangan pelajar. Idea yang dikemukakan masih relevan, huraian juga masih jelas dan contoh masih sesuai. Contohnya**,** "*mampu menambahkan pendapatan individu, membantu dalam meringankan beban kehidupan keluarga dan pelajaran para pelajar akan terabai*."

Calon menggunakan pelbagai ayat yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga umum. Terdapat kesalahan bahasa seperti, "*meringankan lagi beban (meringankan ~~lagi~~ beban)*, *terutama sekali pihak (terutama ~~sekali~~ pihak)* dan *di simpan di dalam tabung* (***disimpan*** *di dalam tabung).*" Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan menyarankan murid bijak mengatur masa dan berpada-pada bekerja sambilan agar tidak memudaratkan diri.

## Soalan 3

3

> Tengku Abdullah bertitah bahawa usaha memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa hendaklah dilaksanakan secara berkesan serta perlu mengambil kira peluang dan potensi bangsa lain dalam menguasai bahasa tersebut. Baginda menyarankan, Kursi Pengajian Melayu dan Pengajian Bahasa Melayu di beberapa universiti terkemuka dunia seperti Universiti Ohio, Universiti Beijing dan Universiti Hankuk diperkukuh untuk pengantarabangsaan bahasa Melayu.
>
> Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
> *Berita Harian*, 30 April 2018

Pada pendapat anda, selain saranan yang dinyatakan dalam petikan di atas, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa?

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

Usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa

Pada era ~~globas~~ globalisasi ini, isu berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat saban ~~wak~~ waktu diwara-warakan dalam ~~e~~ media arus perdana malah sering menjadi polemik yang hangat diperdebatkan di negara kita. Bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam kehidupan kita kerana dapat melambangkan~~kan~~ identiti kita sebagai rakyat Malaysia. Usaha memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa hendaklah dilaksanakan secara berkesan ~~serta perlu mengambil kira peluang dan potensi bangsa lain dalam menguasai bahasa Melayu~~. Semua pihak perlu komited dan ~~beri~~ beriltizam untuk mendepani isu ini kerana hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Persoalan yang sering menerjah dan menerawang gawang minda ~~fikir~~ fikiran, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa?

Sejajar ~~de~~ dengan topik yang diperkatakan, usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa ~~ta~~ ialah pihak sekolah memikul obligasi yang penting ~~dalam~~ ~~mem~~ untuk memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa. Pihak ~~sekolah~~ sekolah haruslah ~~mendidik murid-murid tentang~~ menitikberatkan penggunaan bahasa Melayu kepada murid-murid di sekolah ~~sejak bangku sekolah lagi~~ untuk kegunaan di peringkat antarabangsa sejak bangku sekolah lagi kerana ~~bmelentur~~ melentur buluh biarlah dari rebungnya. ~~Gu~~ ~~Guru-guru di sekolah haruslah~~ Sebagai contoh, pihak sekolah boleh ~~menganjurka~~ bekerjasama dengan sekolah di luar negara seperti Amerika Syarikat, China dan Perancis untuk menganjurkan ~~pe~~ program pertukaran pelajar ke negara-negara tersebut. Kesannya, murid-murid ~~M murid-murid di~~ sekolah di Malaysia dapat berkongsi keistimewaan bahasa Melayu kepada pelajar di luar negara supaya bahasa Melayu akan menjadi lebih dikenali oleh negara-negara yang lain. ~~Sam~~ Samuel Johnson pernah berkata, "Masa depan itu dibeli oleh masa sekarang." Sesungguhnya, tak tumbuh tak melata, tak sungguh orang tak kata, pihak sekolah ~~be~~ berperanan untuk memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa.

Pohon angsana jangan ditebang,
Takut menimpa pohon pulasan.
Memartabatkan bahasa Melayu sahsiah terbilang,
Bersama menuju negara wawasan.

4 Di samping itu, isi yang tidak boleh dikesampingkan ialah pihak kerajaan memainkan peranan penting dalam memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak kerajaan merupakan pihak yang dapat ~~melambangkan me identiti~~ mewakili simbol-simbol ~~de~~ kedaulatan negara kita~~dan~~ dan bertanggungjawab untuk memajukan negara kita. Contohnya, pihak kerajaan haruslah menggunakan bahasa Melayu ~~untuk m~~ apabila menyertai

konferens, aktiviti atau mesyuarat antarabangsa yang melibatkan negara-negara di seluruh dunia seperti konferens Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk berkomunikasi dengan wakil negara lain dengan bantuan penterjemah jika wakil negara tersebut kurang faham akan bahasa Melayu. ~~Lao~~ Laotze pernah berkata, "Perjalanan seribu batu jauhnya bermula daripada langkah pertama." Bertepatan dengan tinta azimat itu, ~~ne~~ bahasa Melayu dapat meningkatkan imej negara kita. Tegasnya, bergelanggang di mata orang banyak bahawa pihak kerajaan berperanan untuk memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa.

~~Tidak cukup dengan itu~~, ~~menelusuri~~ menelusuri ~~isi~~ isi yang terakhir, ~~media massa~~ peranan media massa penting untuk memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa. Langkah ini penting kerana media massa merupakan pihak yang dapat menyebarkan maklumat melalui teknologi pada masa kini seperti akhbar, iklan, media ~~elektron~~ elektronik dan media sosial. Misalnya, media massa boleh ~~menyerbarkan~~ menyebarkan maklumat tentang keunikan dan kepentingan bahasa Melayu di Malaysia ~~kepada~~ melalui media sosial ~~kepada pe~~ seperti 'Facebook' dan 'Twitter' kepada pengguna media sosial ~~di~~ di seluruh dunia. William Shakespeare ada mengatakan bahawa, "Jangan hentikan usaha mulia, selagi usaha belum dikecapi." ~~Sehubun~~ Sehubungan dengan itu, bahasa Melayu dapat mengharumkan nama negara kita di persada dunia. Oleh itu, siang bagai hari, terang bagai bulan, bahasa Melayu dapat dimartabatkan di peringkat antarabangsa ~~+~~ sekiranya media massa memainkan peranan.

Kesimpulannya, sebelum mata pena diskusi melabuhkan noktahnya, ~~semua p~~ bahasa Melayu pasti dapat dimartabatkan ~~di~~ pada peringkat antarabangsa ~~jika~~ dengan sinergi seluruh anggota masyarakat. Semua pihak haruslah memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan pada peringkat antarabangsa sebelum kudis menjadi tokak. Sikap lepas tangan atau ambil mudah

harus dielakkan kerana ~~at~~ ~~me~~ akan menyebabkan isu ini terus bernanah dan menjadi pekung yang sukar ~~dengan~~ untuk dibendung. ~~Sekira~~ ~~Sesungguhnya,~~ Charles Cahier pernah berkata, "~~Kejaa~~ "Kejayaan tidak akan datang kepada manusia yang leka." Sesungguhnya, ~~sekirany~~ sekiranya ~~setu~~ semua rakyat Malaysia menggembleng tenaga untuk memartabatkan bahasa Melayu pada

peringkat antarabangsa, negara kita pasti dapat mencapai wawasan negara.

(499 patah perkataan)

Pada bahagian **pengenalan**, calon dapat memahami tugasan tentang usaha-usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa.

Pada bahagian **huraian idea**, calon berjaya menjawab tugasan mengikut kehendak soalan, iaitu usaha-usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa seperti, **"***pihak sekolah menjayakan program pertukaran pelajar, pihak kerajaan memperkasa penggunaan bahasa Melayu dalam program rasmi pada peringkat antarabangsa dan pihak media massa menyebarkan keunikan bahasa Melayu*."

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis seperti, *"Usaha memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa hendaklah dilaksanakan secara berkesan."* Kosa kata yang digunakan juga luas dan tepat. Gaya bahasa yang digunakan menarik daripada aspek keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik yang tepat, contohnya, "*menerjah dan menerawang gawang minda, polemik yang hangat* dan *komited dan beriltizam."* Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan tanda baca juga tepat.

Pengolahan calon juga sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerenggganan yang seimbang dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea serta perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan menyarankan semua pihak agar bersinergi untuk memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Soalan 3

Dalam meniti arus kemodenan ini, bahasa Melayu semakin pupus ditelan zaman dek penekanan penggunaan bahasa Inggeris oleh masyarakat. Modenisasi yang berlaku menyebabkan masyarakat cenderung untuk mempelajari bahasa lain kerana mahu mengikut trend semasa. ~~ole +~~ Oleh hal yang demikian, bahasa Melayu tidak dapat dimartabatkan pada peringkat antarabangsa kerana penuturnya lebih bangga menuturkan bahasa lain. Tengku Abdullah bertitah bahawa usaha memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa hendaklah dilaksanakan secara berkesan serta perlu mengambil kira peluang dan potensi bangsa lain dalam menguasai bahasa tersebut.

Antara usaha ~~yang~~ memartabatkan bahasa Melayu ialah pihak kerajaan menjalankan dasar luar dengan bersinergi bersama negara lain untuk mewujudkan kursi pengajian Melayu dan Pengajian Bahasa Melayu di beberapa universiti terkemuka dunia. Misalnya, Universiti Ohio, Universiti Beijing dan Universiti Hankuk yang dijulang ~~sen~~ seantero dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana, pelajar antarabangsa yang berminat bidang sastera akan lebih tertarik serta rasa ingin ~~tahu adalah belajar bahasa Melayu itu mudah !~~ mencabar diri mereka untuk mempelajari bahasa Melayu. Tamsilnya, penggunaan kosa kata bahasa Melayu, tatabahasa dan peribahasa. Rakit sudah di air, pendayung sudah di tangan, tegaslah bahawa bagi pihak kerajaan caranya sudah ~~dilepe~~ diketengahkan tinggal mahu melaksanakannya sahaja.

Jika dilihat dari sudut yang berbeza, masyarakat juga memainkan peranan yang dominan bagi memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa. Masyarakat dilihat sebagai agen untuk memperkasa bahasa Melayu dalam kalangan pelancong. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat akan menegur dan menyapa pelancong menggunakan bahasa ibunda sekali gus menarik pelancong asing untuk menelaah maksud perkataan yang masyarakat gunakan. Misalnya, "selamat pagi", apa khabar dan terima kasih. ~~Jelaslah bahawa, masyarakat memainkan peranan signifikan~~ Di samping merapatkan ukhuwah masyarakat juga menyumbang kepada sektor ekonomi negara secara tidak langsung kerana pelancong asing melihat potensi negara Malaysia serta rakyat yang peramah bagi tujuan pelaburan. Jelaslah bahawa masyarakat memainkan peranan signifikan dalam memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa.

~~Jika dilu~~ Seterusnya, pihak institusi pengajian sewajarnya mengadakan program pertukaran pelajar setiap tahun. Hal ini melancarkan proses interaksi antara pelajar-pelajar berlainan negara dan bangsa pada peringkat alma mater. Jika dikupas dengan lebih mendalam, program sebegini memberi impak positif kerana ~~selain~~ pelajar dapat memartabatkan penggunaan bahasa Melayu dengan berbual bersama pelajar negara luar menggunakan bahasa Melayu. Antara topik perbincangan yang boleh diutarakan ialah mengenai adat resam, kepelbagaian kaum dan makanan tradisional. Hal ini persis peribahasa Melayu, jauh perjalanan luas pemandangan yang sering diperkatakan. Benarlah bahawa sektor pengajian juga menyumbang kepada usaha memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa.

Sudah terang lagi bersuluh, semua pihak memainkan peranan dominan dalam memastikan penggunaan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa. Bahasa Melayu merupakan bahasa ilmu dan bahasa yang menyatupadukan kaum. Oleh itu, tugas semua pihak menggembleng tenaga dan bersinergi dalam memastikan objektif berikut tercapai. Lidah pendeta ada berkata hendak seribu daya tak hendak seribu dalih.

(409 patah perkataan)

Pada bahagian **pengenalan**, calon kumpulan sederhana masih dapat membincangkan usaha-usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih menjawab tugasan mengikut kehendak soalan, iaitu membincangkan usaha-usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa. Idea yang dikemukakan masih relevan, huraian juga masih jelas dan contoh masih sesuai. Contohnya, "*Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat akan menegur dan menyapa pelancong menggunakan bahasa ibunda sekali gus menarik pelancong asing untuk menelaah maksud perkataan yang masyarakat gunakan.*"

Calon menggunakan pelbagai ayat yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga umum. Terdapat kesalahan bahasa seperti, "*yang masyarakat gunakan (yang **digunakan oleh** masyarakat), interaksi antara pelajar-pelajar (interaksi antara **pelajar**)* dan *rakit sudah di air, pendayung sudah di tangan (**perahu** sudah di air, **pengayuh** sudah di tangan).*" Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan menyatakan bahawa semua pihak memainkan peranan untuk memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa.

**Soalan 4**

4

> "Di Malaysia, perpaduan dalam komuniti pelbagai kaum merupakan sebahagian daripada sejarah dan warisan kita. Hal ini menjadi sumber penting integrasi kaum selama bertahun-tahun dan pastinya memainkan peranan penting dalam menjadikan Malaysia tempat yang harmoni untuk hidup, belajar, bekerja dan bermain".
>
> Sumber: Dipetik daripada
> ucapan Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye,
> *Berita Harian*, 9 September 2019

Sebagai respons terhadap kandungan ucapan di atas, masyarakat di Malaysia perlu mengekalkan amalan hidup bersatu padu.

Jelaskan cara-cara yang boleh dilakukan untuk mengekalkan amalan tersebut.

Calon dikehendaki menghuraikan cara-cara untuk mengekalkan / mewujudkan / membentuk amalan hidup bersatu padu / perpaduan di Malaysia.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

Soalan 4

Pada era pascakemerdekaan ini, perpaduan dalam komuniti pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan India merupakan aspek yang amat penting di negara kita. Hal ini menjadi sumber penting integrasi kaum selama bertahun - tahun dan pastinya memainkan peranan penting dalam menjadikan Malaysia tempat yang harmoni. Sudah tentu perpaduan mampu menjamin kesejahteraan dan keselamatan negara ~~dari pada~~ daripada ancaman anasir luar di samping meningkatkan imej negara di seantero dunia. Oleh itu, marilah kita mewarnai perbincangan tentang cara - cara yang boleh dilakukan untuk mengekalkan amalan hidup bersatu padu secara terperinci dan bukan sekadar hangat - hangat tahi ayam.

Langkah perdana yang boleh ~~kita~~ lakukan ialah ibu bapa perlu mendidik anak-anak tentang amalan hidup bersatu padu sejak mereka kecil lagi. Hal ini berkait rapat kerana anak-anak ibarat kain putih, ibu bapa yang memainkan peranan penting dalam mencorak sikap anak-anak, persis kata mutiara, bagaimana acuan begitulah kuihnya. Ibu bapa hendaklah menjadi suri teladan kepada anak-anak dengan cara menghormati jiran tetangga selain memberi tunjuk ajar menjaga adab sopan bersama orang lain. Kesannya, anak-anak akan sentiasa mempraktikkan apa yang diajarkan seterusnya ~~melahirkan~~ generasi saling menghormati dapat dikekalkan dan diteruskan di negara kita. Jelaslah bahawa, ibu bapa mampu membantu mengekalkan amalan bersatu padu dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, pihak sekolah turut perlu memastikan amalan hidup bersatu-padu dapat diterapkan dalam golongan pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana sekolah merupakan wahana yang penting bagi para pelajar menimba ilmu pengetahuan yang baharu. Guru-guru boleh mengadakan pelbagai aktiviti seperti pertandingan sukan atau gotong-royong yang boleh disertai para pelajar. Acara-acara ini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan di samping mampu menyemai sikap ~~berke~~ bekerjasama dan bertolenrasi antara satu sama lain. Kesannya, murid-murid akan sentiasa menjaga tatasusila dan bersikap sopan santun terhadap orang sekeliling sehingga menjadi rutin yang penting sehingga besar kelak, persis peribahasa alah bisa tegal biasa. ~~Oleh~~ Oleh itu, pihak sekolah perlu meneruskan ~~pr~~ usaha memupuk dan mengekalkan amalan bersatu padu dalam kalangan pelajar.

Seterusnya, pihak media massa turut menyumbang dalam menjayakan misi mempertahankan amalan hidup ~~bersa~~ dalam perpaduan. Dalam dunia yang serba canggih dan moden, semua maklumat dapat diakses di hujung jari sahaja yang menjadikan masyarakat kini mengetahui isu-isu semasa di pelbagai ~~media me~~ ~~aplikasi~~ ~~seperti~~ media sosial seperti Facebook dan Instagram. Pihak media massa perlu menapis semua berita palsu supaya konflik antara masyarakat tidak akan berlaku. Tambahan pula, pihak media massa boleh menyebarkan ~~tentang~~ ~~pen~~ peringatan kepada masyarakat supaya saling bertolenrasi antara satu sama lain. Kesannya, ~~masyarakat~~ tidak akan ada perasaan prasangka dalam kalangan masyarakat di samping dapat menjauhi keadaan yang huru hara di negara kita.

Sudah terang lagi bersuluh, pihak media massa ~~amat~~ mempunyai tanggungjawab yang besar dalam mengekalkan amalan bersatu padu.

Secara totalnya, amalan bersatu padu dalam kalangan masyarakat perlu dikekalkan dan diwarisi generasi muda ~~supaya~~ kerana amalan ini ~~amat~~ memberi ~~satu~~ seribu satu kemaslahatan bukan sahaja kepada kita, tetapi juga kepada negara, bangsa dan agama. Tokoh Islam iaitu Imam Al-Ghazali pernah menyatakan jika ingin melihat masa depan negara, lihatlah generasi muda pada masa ini. Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu dengan sinergi dalam prakarsa mempertahakan perpaduan dalam kalangan masyarakat agar dapat melahirkan generasi yang mempunyai iltizam tinggi serta berakhlak mulia yang mampu memajukan negara agar duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara maju yang lain.

Pada bahagian **pengenalan**, calon dapat memahami tugasan tentang cara-cara untuk mengekalkan amalan hidup bersatu padu di Malaysia.

Pada bahagian **huraian idea**, calon berjaya menjawab tugasan mengikut kehendak soalan, iaitu tentang cara-cara untuk mengekalkan amalan hidup bersatu padu di Malaysia seperti, "*ibu bapa mendidik anak-anak tentang amalan hidup bersatu padu sejak kecil, pihak sekolah memastikan amalan hidup bersatu padu diterapkan dalam kalangan murid, dan pihak media massa mendidk masyarakat supaya saling bertoleransi."*

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis *seperti, "Kesannya, murid-murid akan sentiasa menjaga tatasusila dan bersikap sopan santun terhadap orang sekeliling sehingga menjadi rutin persis peribahasa alah bisa, tegal biasa."* Kosa kata yang digunakan juga luas dan tepat. Gaya bahasa yang digunakan menarik daripada aspek keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik yang tepat, contohnya, "*mewarnai perbincangan, menjadi suri teladan dan diakses di hujung jari."* Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan tanda baca juga tepat.

Pengolahan calon juga sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerengganan yang seimbang dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea serta perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan menyarankan masyarakat mengekalkan amalan hidup bersatu padu.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana**

Bahagian B : Soalan 4

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai bangsa dan pelbagai adat resam. Oleh itu, perpaduan kaum adalah sangat penting untuk menjamin kesejahteraan Malaysia. Kini, masyarakat semakin mengabaikan perpaduan dan integrasi kaum bagai melukut di tepi gantang. Perkara ini semakin serius bagai duri dalam daging dan kita sebagai masyarakat di Malaysia haruslah mengutamakannya. Persoalannya, apakah cara-cara yang boleh dilakukan untuk mengekalkan perpaduan dalam komuniti pelbagai kaum?

Pertama sekali, masyarakat boleh mengadakan rumah terbuka untuk mengekalkan perpaduan kaum. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat dapat lebih memahami budaya dan adat resam kaum lain melalui rumah terbuka. Sebagai contoh, masyarat kaum Melayu boleh menjemput jiran yang berkaum Cina dan India datang ke rumah terbuka apabila menyambut Hari Raya Aidilfitri. ~~Dan~~ Kesannya, masyarakat dapat memahami budaya tertentu dan saling menghormati antara satu sama lain. Sambil menyelam minum air, hubungan kejiranan dan hubungan antara kaum dapat dieratkan. Jelasnya, perpaduan kaum dapat dikekalkan sekiranya masyarakat mengadakan rumah terbuka.

Seterusnya, ibu bapa boleh mengajar anak-anak bertoleransi dan menghormati semua kaum untuk mengekalkan perpaduan kaum. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut hadis Nabi "anak diibaratkan sebagai sehelai kain putih, ibu bapa bertanggungjawab untuk mencorakkannya". Misal kata, ibu bapa boleh menjadi teladan yang baik dengan bersalam dengan jiran ~~apabila bertemu~~ yang pelbagai kaum apabila bertemu dan menyambut perayaan kaum lain. Implikasinya, anak-anak akan mencontohi tindakan ibu bapa kerana bagaimana acuan, begitulah kuihnya. Tegasnya, ibu bapa memainkan peranan penting dalam mengekalkan perpaduan kaum.

Selain itu, pihak sekolah boleh mementingkan aktiviti kokurikulum dalam kalangan murid untuk mengekalkan perpaduan kaum. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti kokurikulum melibatkan murid-murid ~~pelbag~~ yang berbilang bangsa. Sebagai contoh, pihak sekolah boleh menganjurkan ~~kelab~~ pertandingan bola sepak dan menyediakan hadiah lumayan untuk menarik minat murid-murid. Impaknya, murid-murid yang pelbagai kaum akan berpasukan dalam pertandingan tersebut. Tuntasnya, aktiviti kokurikulum dapat melahirkan anak murid sentiasa bersatu padu sejak kecil lagi kerana melentur buluh biarlah dari rebungnya.

Lebih-lebih lagi, pihak kerajaan boleh mengadakan kempen kesedaran untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan perpaduan kaum. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat akan sedar bahawa kepentingan perpaduan dan menggunakan cara-cara yang diberi di kempen untuk melaksanakan dalam kehidupan. Sebagai contoh, masyarakat boleh mengajak rakan-rakan yang berbilang kaum untuk menyaksikan siaran langsung pertandingan Olimpik dan bersorak untuk atlet-atlet Malaysia. Kesannya, perpaduan kaum dapat dikukuhkan dalam kalangan masyarakat. Pendek kata, pihak kerajaan mengadakan kempen kesedaran dapat meningkatkan kesedaran masyarakat supaya masyarakat hidup bersatu padu.

Kesimpulannya, terdapat pelbagai cara untuk mengekalkan perpaduan dalam komuniti pelbagai kaum. Semua pihak haruslah bekerjasama bagai aur dengan tebing untuk membendung masalah perpaduan kaum. Jika semua pihak bekerjasama, tentulah ~~negara~~ perpaduan negara dapat dikukuh dan negara harmoni. Sekiranya masyarakat tidak dapat hidup bersatu padu, pastilah ~~ne~~ keamanan negara tidak terjamin kerana muncul konflik antara kaum. Oleh itu, jomlah kita mengekalkan perpaduan kaum bersama-sama!

(~~447~~ 453 patah perkataan)

Pada bahagian **pengenalan**, calon kumpulan sederhana masih dapat membincangkan cara-cara untuk mengekalkan amalan hidup bersatu padu di Malaysia.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih menjawab tugasan mengikut kehendak soalan, iaitu cara-cara untuk mengekalkan amalan hidup bersatu padu di Malaysia. Idea yang dikemukakan masih relevan, huraian juga masih jelas dan contoh masih sesuai. Contohnya, "*Misal kata, ibu bapa boleh menjadi teladan yang baik dengan bersalam dengan jiran yang pelbagai kaum apabila bertemu dan menyambut perayaan kaum lain."*

Calon menggunakan pelbagai ayat yang masih gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga umum. Terdapat kesalahan bahasa yang minimum seperti, "*masyarat kaum Melayu boleh menjemput jiran yang berkaum Cina dan India (**masyarakat** Melayu boleh **mengundang** jiran), pelbagai kaum akan berpasukan dalam pertandingan (pelbagai kaum akan **bekerjasama** dalam pertandingan) dan menggunakan cara-cara yang diberi di kempen (menggunakan cara-cara yang **disampaikan semasa** kempen)."* Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan menegaskan bahawa usaha untuk mengekalkan perpaduan kaum akan berjaya sekiranya semua pihak bekerjasama.

## 2.6 CADANGAN / SYOR BAHAGIAN B

### 2.6.1 Calon

a) Calon mestilah menguasai kemahiran dan tema dalam DSKP.
b) Calon mestilah menjadikan buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sebagai rujukan utama.
c) Calon perlu banyak membaca bahan bacaan seperti majalah, akhbar, jurnal dan karya sastera untuk menambahkan pengetahuan, mematangkan fikiran, mengikuti perkembangan semasa serta memantapkan penguasaan bahasa.
d) Calon perlu menguasai kemahiran membaca. Calon perlu meneliti dan memahami semua kata tugas sebelum memilih soalan yang hendak dijawab.
e) Calon hendaklah selalu membuat latihan penulisan karangan.
f) Calon perlulah menyediakan rangka jawapan sebelum menjawab soalan.

### 2.6.2 Guru

a) Guru perlu menguasai kemahiran dan tema dalam DSKP.
b) Guru perlu menjadikan buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 sebagai rujukan utama.
c) Guru hendaklah merancang PdP yang berkesan.
d) Guru perlu memantapkan asas penulisan karangan kepada murid pada peringkat menengah rendah agar mereka dapat menghasilkan karangan yang berkualiti.
e) Guru perlu membincangkan pelbagai isu semasa dengan murid semasa PdP untuk menghasilkan karangan yang matang.

# *Penghargaan*


**PENASIHAT:**
DATO' HJ. PKHARUDDIN BIN HJ. GHAZALI

**PENGERUSI:**
DR. MOHD AZAM BIN AHMAD

**URUS SETIA:**
PUAN HJH. JURAIDA BINTI UMAT
DR. HABIBAH BINTI MAT REJAB
DR JAIN BIN CHEE
PUAN SITI ASMAH BINTI MD YUSOF
PUAN NOR ZULAIKHA BIN CHE MAT
ENCIK HAPIZI BIN MISKAM
PUAN LAILY FAZLIN BINTI DATO SRI KHAIRIL

**EDITOR:**
ENCIK MOHD FATHI BIN ADNAN (KETUA EDITOR)
PUAN NORAZAH BINTI BIDI (PEN. KETUA EDITOR)
PUAN FAIZAH BINTI SAMAD
ENCIK IZZAT ISMAIL BIN IDRIS
CIK NORHAYATI BINTI YAHAYA
PUAN SUZARINA BINTI SUHOD

**PANEL PENULIS:**
KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 1
KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 2
KP & KPB BAHASA INGGERIS SPM KERTAS 2
KP & KPB SAINS SPM KERTAS 2
KP & KPB SEJARAH SPM KERTAS 2
KP & KPB MATEMATIK SPM KERTAS 2
KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 1
KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 2